



بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
PEJABAT KEWANGAN DAN PERBENDAHARAAN  
NEGERI PAHANG DARUL MAKMUR.  
Tingkat 3, 5, & 6,  
Blok B, Wisma Sri Pahang,  
25503 Kuantan,  
Pahang Darul Makmur.

Tel. : 09-512 6800  
Fax. : 09-513 4839  
Email : [pkn@pahang.gov.my](mailto:pkn@pahang.gov.my)

**#MajuTerusPahang #Pahang1<sup>st</sup>**

Ruj. Kami : PERB.PHG.BPP.600-/3/6 Jld 2(51)

Tarikh : **6** Mac 2026

**SEGERA**

**SEMUA PUSAT TANGGUNGJAWAB**

YB Dato' Sri/Sahibus Samahah Prof Dato' Dr./YAA Dato'/YB Dato' Indera/  
YH Dato'/Tuan /Puan

**PEMBAYARAN BANTUAN KHAS KEWANGAN AIDILFITRI (BKKA) TAHUN  
2026 KEPADA SEMUA PENJAWAT AWAM NEGERI PAHANG**

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa pembayaran Bantuan Khas Kewangan Aidilfitri sebanyak RM1,000.00 kepada semua penjawat Awam Negeri Pahang sebagaimana yang diumumkan oleh YAB Menteri Besar Pahang akan dilaksanakan pada 13 Mac 2026.

3. Sehubungan itu semua Pusat Tanggungjawab (PTJ) hendaklah mengambil tindakan seperti berikut :

3.1. Tindakan (PTJ) Proses Bonus BKKA dalam iSPEKS ;

**(Modul Gaji → Proses Bonus/Bantuan Khas/ → Kemaskini  
Maklumat Bantuan Khas → Pilihan Proses : Tahun : 2026 → Bulan  
: Mac);**

Proses BKKA akan dibuka pada 6 Mac 2026 (Jumaat) tengahari sehingga 10 pagi pada 9 Mac 2026 (Isnin).

4. Pembayaran kepada pegawai yang layak BKKA 2026 dan masih dibayar gaji melalui Modul Gaji Sistem iSPEKS, namun tiada dalam senarai pembayaran hendaklah dilaksanakan melalui Modul Akaun Belum Bayar (ABB) dengan kadar segera. Bagi pegawai MySTEP pembayaran adalah melalui Modul Akaun Belum Bayar dan hendaklah diluluskan pada 12 Mac 2026 selewat-lewatnya pukul 5 petang. Arahan Pembayaran hendaklah diasingkan daripada pembayaran lain dengan catatan "BKKA Tahun 2026" dalam Perihal Bayaran.

5. Walau bagaimanapun PTJ bertanggungjawab perlu memastikan BKKA ini dibayar kepada pegawai yang berkecualan sebagaimana pekeling daripada Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM) . Pegawai yang tidak layak tetapi telah menerima bayaran tersebut, kutipan balik perlu dilaksanakan dengan segera.

Kerjasama dan perhatian pihak YB Dato' Sri/Sahibus Samahah Prof Dato' Dr./ YAA Dato'/YB Dato' Indera/YH Dato'/tuan /puan berhubung perkara di atas amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,



**(NOORISMA BINTI NOOR ADNAN C.A. (M))**

Akauntan Negeri  
b.p Pegawai Kewangan Negeri  
Pahang Darul Makmur